

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR



Vol : 1/2021

JANUARI - DISEMBER



29. Penglibatan Warga BPD dalam Pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin IPT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



16. Kunjungan Mesra Naib Canselor
ke Pejabat Pendaftar

8. Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020
Pejabat Pendaftar
9. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
2020 Pejabat Pendaftar
19. Audit Dalam Pejabat Pendaftar
24. Lawatan
Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke
Integrative Pharmacogenomics
Institute (iPROMISE)
27. Audit Sirim QAS INTERNATIONAL
- ISO 9001:2015
28. Misi Bantuan Banjir @BPD

TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN DALAM PEKERJAAN

OSHA@BPD

23 Februari 2021 (Selasa)
2.30 - 4.30 petang

UITM Channel

Penceramah 1:
Tajuk : **PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN**
Haji Shaharin Bin Sharif
Ketua Unit Pengurusan Bencana, BKOP, PPII
Merangkap Penyelaras Operasi Bencana UITM

Penceramah 2:
Tajuk : **KUALITI UDARA DALAMAN (Indoor Air Quality)**
Ts. Suhaihisham Bin Mohd Saufi
Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, BKOP, PPII
(Certified Indoor Air Quality Assessor DOSH Registered: (IK/15/142/00/02))

JANUARI 2021

Tarikh : 20 Januari 2021

Penceramah 1 : Hj Shaharin Bin Sharif,
Penolong Kejuruteraan Kanan,
Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Penceramah 2 : Ts. Suhaihisham Bin Mohd Saufi

Kolaborasi Pejabat Pendaftar bersama pihak Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dengan mengadakan program Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Dalam Pekerjaan. Taklimat ini berkaitan dengan Panduan Keselamatan Kebakaran serta Kualiti Udara Dalaman yang dapat dimanfaatkan oleh warga UiTM.

.....

Literasi ICT@BPD Siri 1 2021

Microsoft Excel Intermediate

26 Januari 2021 (Selasa)
9.30 pagi - 12.30 tengah hari
<http://meet.google.com/jdb-xpsi-nay>

Penceramah :
Muhammad Firdaus bin Abdul Shukur
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Pejabat Pendaftar

LITERASI ICT @BPD SIRI 1 MICROSOFT EXCEL INTERMEDIATE

Tarikh : 26 Januari 2021
Penceramah : En Muhammad Firdaus Abdul Shukur

1. Sesi Literasi ICT@BPD Siri 1 ini merupakan platform pengisian ilmu berkaitan ICT.
2. Literasi ICT@BPD Siri 1 membawakan perkongsian berkaitan *Microsoft Excel Intermediate*.
3. Pengisian topik pada siri ini menjurus kepada penyediaan data sehingga ke menu pivot table bagi mendapatkan satu dashboard statistik yang boleh digunakan dalam tugas seharian.





Tahniah

atas pelantikan sebagai
Pendaftar UiTM



Sekalung Tahniat dan Syabas YBrs. Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin diatas pelantikan sebagai Pendaftar Universiti Teknologi MARA yang berkuatkuasa mulai 15 Februari 2021.

Semoga Universiti Teknologi MARA akan terus cemerlang dibawah kepimpinan Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin.



Setinggi Penghargaan

kepada
PUAN ALFINA BAKAR K.M.N


Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pn Alfina Bakar K.M.N yang telah melaksanakan tanggungjawab sebagai Pemangku Pendaftar bermula 05 Oktober 2020 hingga 14 Februari 2021.

SESI PENDAFTAR UITM BERSAMA WARGA PEJABAT PENDAFTAR SIRI 1/2021

Warga BPD mengucapkan tahniah kepada Tn. Haji Muhamad Nizam Noordin atas pelantikan sebagai Pendaftar UiTM pada 15 Februari 2021.

Beliau telah berkesempatan mengadakan sesi bersama Warga Pejabat Pendaftar secara atas talian pada 26 Februari 2021.

Beliau menyatakan hasrat agar semua warga sentiasa bersyukur dan memegang amanah tanggungjawab dengan sebaiknya berdasarkan Aku Janji yang telah ditandatangani oleh semua warga semasa awal perkhidmatan.



Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

01 Mac 2021 : Sesi perkongsian bersama staf BSK berkaitan pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Bahagian Saraan dan Kemudahan. Penceramah Encik Roslimi Ariffin, Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Saraan dan Kemudahan.

Perkongsian ini bertujuan mendedahkan staf BSK terhadap keperluan EKSA di tempat kerja disamping meyampaikan kepentingan dan kaedah pelaksanaan EKSA di tempat kerja.



Majlis Perpisahan dan Serah Tugas Puan Norekma Zaini

15 Mac 2021 : Satu majlis ringkas perpisahan dan penyerahan nota serah tugas telah diadakan bagi menghargai sumbangan Puan Ekma, Pembantu Tadbir di Bahagian Saraan dan Kemudahan (BSK) dan telah berjaya mendapat kenaikan pangkat ke Pembantu Tadbir Kanan yang akan ditempatkan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari ACIS, UiTM Shah Alam berkuatkuasa 16 Mac 2021.



Aktiviti Gerak Kerja Projek Majlis Jasamu Dikenang 2020

Satu aktiviti gotong royong bagi menyiapkan persiapan keperluan Majlis Jasamu Dikenang 2020 telah diadakan pada 3 Mac 2021 di pejabat Bahagian Saraan dan Kemudahan.

Majlis JasaMu Dikenang adalah satu majlis yang diadakan untuk meraikan staf UiTM yang akan bersara dan staf yang telah mencapai perkhidmatan 25 tahun dan 30 tahun. Ianya adalah tanda penghargaan UiTM terhadap sumbangan khidmat setia staf UiTM.

Taklimat ringkas telah diberikan oleh Puan Ainul Fadzilah Harun, Ketua BSK berkaitan pengagihan tugas dan penyediaan keperluan berkaitan.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan pada hari tersebut adalah ;

- Semakan sijil penghargaan bagi setiap peserta dimasukkan ke dalam sampul yang disediakan.
- Semakan Sijil Premium BSN peserta.
- Pembungkusan cenderamata -sepasang jam tangan.
- Penyediaan kad jemputan dan gerak kerja perjalanan majlis.
- Susunan nama mengikutfakulti dan tempoh perkhidmatan.
- Penyediaan keperluan majlis yang akan dilaksanakan.



Tarikh : 19 Mac 2021
Penceramah : Puan Siti Rohayu Binti Mohamad Yusof
Pustakawan Kanan
merangkap Pengerusi EKSA PTAR

Sesi perkongsian Bersama staf Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen (BRPK) secara atas talian.

Taklimat ini bertujuan meningkatkan budaya kecemerlangan organisasi yang lebih berimej korporat, melahirkan idea dan aktiviti kreativiti serta inovasi.

Perlaksanaan EKSA juga perlu dalam sistem pengurusan jabatan bagi menjadikan tempat kerja bersih, tersusun, kemas dan selamat.



Tarikh : 25 Mac 2021
Penceramah : Puan Ainul Fadzilah Harun
Timbalan Pendaftar
Bahagian Saraan dan Kemudahan

Kesatuan Staf Akademik UiTM (MITASA) telah menjemput Puan Ainul Fadzilah Harun, Timbalan Pendaftar (BSK) bagi memberikan perkongsian berkaitan Kemudahan dan kebajikan Staf UiTM.

Melalui sesi perkongsian ini beberapa isu dan topik berkaitan kemudahan dan kebajikan staf telah diberi pencerahan terutama berkaitan ;

- Kemudahan Perubatan
- Skim ExGratia
- Skim Khairat Kematian
- Tuntutan Elaun



Majlis Perpisahan Encik Nurul Adzha Rasidi

31 Mac 2021: Majlis perpisahan diadakan bagi menghargai sumbangan Encik Nurul Adzha Rasidi di Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf (BPPS) dan telah berjaya mendapat kenaikan pangkat ke Pembantu Tadbir Kanan.



Majlis Apresiasi Bahagian Pembangunan Operasi (BPO) Tahun 2020

03 April 2021 : Majlis Apresiasi Bahagian Pembangunan Operasi (BPO) tahun 2020. Satu majlis diadakan bagi meraikan staf BPO atas pencapaian yang diberikan sepanjang tahun 2020 walaupun dunia melanda pandemic Covid-19. Anugerah diberikan kepada staf yang cemerlang dan juga sesi bertukar-tukar hadiah dilakukan.

Sesi Runding Cara Keperluan Perjawatan Di Hospital UiTM

04 April 2021: Bahagian Pembangunan Operasi (BPO) telah mengadakan sesi runding cara keperluan perjawatan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2022 di Hospital UiTM.



Kursus Pra Persaraan Bil 1/2021 @ ILD pada 06 April 2021 - 08 April 2021

Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan kursus Pra Persaraan yang berlangsung selama 3 hari dan slot daripada Bahagian Pengurusan Perkhidmatan berjaya diadakan secara interaktif. Kursus diadakan secara bersemuka dengan pematuhan penuh SOP yang ditetapkan dan telah mendapat kerjasama penuh dari setiap pihak.

Majlis Perpisahan Puan Emyliza binti Abdul Halim Setiausaha Pejabat JPSM

08 April 2021 : Satu majlis ringkas perpisahan Puan Emyliza Binti Abdul Halim, Setiausaha Pejabat JPSM yang bertukar tempat bertugas ke PPII berkuatkuasa 15 April 2021.





Majlis Apresiasi Staf Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti (BGSU Star Award)

09 April 2021 : Berlangsungnya Majlis Apresiasi Staf Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti (BGSU STAR AWARD) bersempena pencapaian staf BGSU sepanjang tahun 2020. Walaupun dunia dilanda pandemik dan perubahan norma baharu dalam melaksanakan tugas dengan keadaan staf perlu bekerja dari rumah, namun staf BGSU dapat melaksanakan amanah dengan cemerlang dan mampu untuk berubah dengan keadaan yang mendesak. Program dimulai dengan ucapan aluan dari Pendaftar, Tn Haji Muhamad Nizam Noordin dan ucapan Ketua BGSU, Pn Noriah Mohamed Ali. Setelah itu, majlis diteruskan dengan penganugerahan piala dan hadiah kepada anugerah staf aktif, cemerlang, ceria dan sebagainya yang telah diadili dan dipilih oleh Ketua BGSU sendiri. Kemeriahan majlis diteruskan dengan hadiah kepada staf yang menyambut hari lahir dan aktiviti menjamu selera dan bergambar.



“Tadbir Urus Terbaik di Universiti”

20 April 2021 : Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah menjemput Pn. Noriah Mohamed Ali, Ketua Timbalan Pendaftar BGSU, Pejabat Pendaftar memberikan taklimat dan berkongsi berkaitan “Tadbir Urus Terbaik Di Universiti”.

Kehadiran peserta dari seluruh warga UPNM dan Pendaftar UPNM. Warga UPNM berbesar hati untuk memberikan aluan dan perasmian sebelum program berlangsung

Sesi Fotografi dan Video Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2021

23 April 2021: Sesi fotografi dan video ucapan Hari Raya Aidil Fitri tahun 2021 oleh team BGSU untuk Bahagian Saraan dan Kemudahan(BSK). Staf BSK lengkap berbaju melayu bagi lelaki dan baju kurung bagi perempuan lengkap bergaya memeriahkan suasana photoshoot Hari Raya Pejabat Pendaftar 2021.





Majlis Jasamu Dikenang

Pejabat Pendaftar Tahun 2020

Majlis Jasamu Dikenang peringkat Pejabat Pendaftar adalah majlis penghargaan kepada staf yang telah mencapai khidmat perkhidmatan di UiTM pada tempoh 20 tahun, 25 tahun dan 30 tahun.



Senarai staf yang diraikan pada MJD 2020 Pejabat Pendaftar serta Cenderamata yang diterima adalah seperti berikut:

i) Khidmat Setia 20 Tahun : Sijil Penghargaan

- Encik Mohd Azlin Bin Jalil
(Pegawai Eksekutif Kanan BPP)
- Encik Ezuan Ghadizi Bin Muhammad
(Pembantu Operasi BGSU)

ii) Khidmat Setia 25 Tahun : Seutas Jam Tangan

- Puan Alfina Bt Bakar, K.M.N
(Ketua Timbalan Pendaftar Kanan JPSM)
- Puan Azliah Binti Othman
(Timbalan Pendaftar Kanan BKK)
- Puan Rohanah Binti A. Kadir
(Timbalan Pendaftar Kanan BPPS)
- Encik Hazani Bin Hamzah
(Kerani Tertinggi BPP)

iii) Khidmat Setia 30 Tahun : Sijil Premium BSN

- Puan Norliah Bt Saba
(Pegawai Eksekutif Kanan BPP)

iv) Pesara Wajib/Pilihan/ Atas Sebab Kesihatan : Sijil Premium BSN

- Puan Yuslin Binti Mohd Sani
(Timbalan Pendaftar BRPK)
- Encik Abd Rahman Bin Hambali
(Pegawai Eksekutif Tertinggi BRPK)
- Puan Asiah Binti Sapran
(Ketua Penolong Pegawai Tadbir BPPS)
- Puan Umi Khalsom Binti Othman
(Kerani Kanan BRPK)
- Puan Jalima bte Johari
(Pegawai Eksekutif Kanan BKK)

Program Ihya Ramadhan 1442H

28 April 2021 : Satu program Ihya Ramadhan telah diadakan oleh Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP). Program seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara staf BPP dan hasil daripada program ini telah diagihkan kepada semua staf Pejabat Pendaftar.



Majlis Perpisahan Puan Nor Suhayati Musa

30 April 2021 : Satu majlis ringkas perpisahan diadakan bagi menghargai sumbangan Puan Nor Suhayati Musa di Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) yang bertukar tempat bertugas.

Amal@BPD 2021



05 Mei 2021 bersamaan 23 Ramadan 1442H
Bilik Sidang, Aras 3 Canseleri UiTM

Warga Pejabat Pendaftar telah berbesar hati untuk membuat sumbangan kepada warga BPD yang kurang berkemampuan bersempena menyambut hari lebaran Syawal 1442H. Barang keperluan seperti beras, minyak, gula, tepung dan sebagainya telah diberikan kepada warga BPD yang kurang berkemampuan. Semoga ianya dapat memberikan sinar kegembiraan kepada mereka.





Salam Takziah

Belasungkawa Allahyarham Abdul Manap Bin Mat Saboot

Dukacita dimaklumkan seorang sahabat daripada Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen Allahyarham Encik Abdul Manap Bin Mat Saboot telah kembali ke Rahmatullah pada 27 Jun 2021 (Ahad)

Semoga Allahyarham Encik Abdul Manap Bin Mat Saboot ditempatkan bersama-sama mereka yang beriman.



Majlis Bacaan Yassin dan Tahليل

28 Jun 2021 : Majlis Bacaan Yassin dan tahليل untuk Allahyarham Abdul Manap Bin Mat Saboot telah diadakan secara atas talian oleh warga BPD. Bacaan dipimpin oleh Ustaz Haji Md Idris Haji Abdullah.



Majlis Bacaan Yassin dan Doa

04 Jun 2021 : Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat Peringkat Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) secara atas talian yang dihadiri oleh semua staf.



01 Taklimat Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy)

01 Julai 2021 : Taklimat bersama Pusat Kaunseling dan Kerjaya oleh Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP). Taklimat diadakan bagi membincangkan dan menerangkan fungsi dan tindakan urusetia dua pihak iaitu Pejabat Pendaftar dan Pusat Kaunseling dan Kerjaya. Sesi ini diadakan bertujuan bagi memastikan Pegawai Kaunselor yang terlibat menggunakan Modul Dasar Pemisah melalui sistem HR2U yang telah Go Live.



02 Proses Sanitasi

01 Julai 2021 : Proses sanitasi pejabat Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen (BRPK) telah dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan setelah beberapa orang staf didapati positif COVID-19.



03 Majlis Perpisahan Cik Rohanah A. Kadir

01 Julai 2021 : Satu majlis perpisahan diadakan bagi menghargai sumbangan khidmat setia Cik Rohanah A. Kadir di Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf (BPPS) yang akan bersara pilihan pada tahun ini.



04 Bengkel Sistem eMesyuarat UiTM

13 hingga 16 Julai 2021 : Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti telah mengadakan taklimat dan Bengkel Sistem eMesyuarat UiTM yang melibatkan seluruh pentadbir di UiTM. Penceramah dan fasilitator yang terlibat dari BGSU adalah En Rosman Yahya, Pegawai Eksekutif Kanan dan En Anuar Ridzuan Abbas, Penolong Pendaftar.

05 Literasi ICT@BPD Siri 2 - Data Studio

Tarikh : 22 Julai 2021
 Penceramah : En Muhamad Ikhtimal Hijaz Zulkeffi
 Penolong Pegawai Teknologi
 Maklumat JPSM, Pejabat Pendaftar.

Sesi Literasi ICT@BPD Siri 2 ini merupakan platform pengisian ilmu berkaitan ICT. Perkongsian ini berkaitan Data Studio (@Google) sebagai salah satu platform untuk penyediaan statistik (data dashboard).



Program Lets Brain Out @ BPD telah dilaksanakan bermula 5 Ogos Sehingga 15 September 2021 dengan mempertandingkan 5 program bagi menjana minda kritis dan semangat berpasukan antara kumpulan dengan sikap tolong menolong untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Lima Program Yang Dipertandingkan Adalah Pertandingan Teka Silang Kata, Penyelesaian Sudoku, Penulisan Puisi Dan Penulisan Pantun Bertemakan 'COVID-19' Serta Lakaran Poster Bertemakan 'Pejabat Pendaftar Di Hati'".

Objektif program adalah untuk :

- Memupuk sesi libat sama dan semangat kerakanan antara warga dengan sifat tolong menolong dan bekerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

- Situasi semasa pandemik Covid-19 yang melanda negara menuntut warga untuk bekerja dari rumah bagi melaksanakan tugas hakiki. Justeru, ianya perlu diseimbangkan bersama aktiviti berfaedah yang lain untuk membentuk warga kerja yang positif, sihat, cergas dan cerdas bukan hanya fizikal tetapi juga kekuatan dalaman.
- Proses penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan akan menjadi lebih lancar kerana akan terbit rasa gembira di kalangan warga dengan penglibatan bersama menyertai aktiviti dalaman ini.

Program Pementapan MINDA DAN JATI DIRI WARGA PEJABAT PENDAFTAR (Sejahtera Minda, Bahagia Emosi, Tingkah Laku Positif)


Tarikh : 11 Ogos 2021
 Penceramah :
 Dr Hazaila binti Hassan
 Pegawai Psikologi, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya


Objektif program dilaksanakan:

- Program pementapan minda dan jati diri dapat membentuk satu pasukan warga BPD yang sentiasa bersama dan memahami kehendak organisasi dalam menerajui sebuah organisasi pengurusan sumber manusia yang komprehensif.
- Memberi penekanan dan kesedaran kepada warga BPD dalam kepentingan menjaga fizikal dan mental yang positif.
- Meyakinkan warga BPD dalam menerima perubahan dunia dalam pengurusan psikologi manusia.
- Dapat memberi impak positif dalam kesihatan mental setiap warga BPD kerana setiap warga adalah aset yang amat bernilai kepada organisasi.
- Ujian kesihatan psikologi di era pasca pandemik yang dilaksanakan dapat membantu dan memantau perkembangan minda sihat untuk warga BPD.

Soal selidik ringkas berkaitan psikologi juga dibuat untuk melihat tahap emosi peserta dalam keadaan pandemik COVID-19 yang masih berlaku dan hubung kait dengan tugas yang dibuat semasa bekerja dari rumah.

Semoga warga BPD sentiasa berpandangan dan bereaksi positif dalam menangani situasi cemas atau panik. Sekiranya terdapat masalah yang berlaku, warga BPD boleh menghubungi Pusat Kerjaya Kaunseling UiTM atau pihak yang dapat membantu emosi agar lebih stabil.





TAKLIMAT SISTEM LOG KERJA KEPADA SETIAUSAHA MEU


20 Ogos 2021 : Satu taklimat Sistem Log Kerja telah diadakan kepada Setiausaha MEU bagi fasa 1 untuk diaplikasikan dalam tugas harian. Peserta terdiri daripada Ketua Pentadbiran, Setiausaha, Jabatan Infostruktur, PPII dan Staf BGSU.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PEJABAT PENDAFTAR TAHUN 2020

Pada 25 Ogos 2021 telah berlangsungnya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pejabat Pendaftar bagi tahun 2020. Seramai 13 orang telah menunjukkan kecemerlangan dalam tugas sepanjang tempoh 2020 walau dalam tempoh PKP semasa pandemik COVID-19 berlaku.

Senarai staf yang telah dianugerahkan dengan APC 2020 adalah seperti berikut :

Bil	NAMA	JAWATAN	GREDE	BAHAGIAN
1	Rizadora binti Muhamad Arsad	Timbalan Pendaftar Kanan	N52	BPO
2	Roslimi bin Ariffin	Penolong Pendaftar Kanan	N44	BSK
3	Masdiana binti Mosman	Penolong Pendaftar Kanan	N44	BPPS
4	Emyliza binti Abdul Halim	Setiasaha Pejabat	N29	JPSM
5	Syahida Fathiah binti Ahmad Kamal	Setiasaha Pejabat	N29	BGSU
6	Ainul Faizura binti Ahmad	Pegawai Eksekutif	N29	BKK
7	Mohd Sufian bin Isa	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	JPSM
8	Norhafida binti Hasan	Kerani Kanan	N22	BKK
9	Shadalila binti Mohamad Yusof	Kerani Kanan	N22	BPPS
10	Nurulhijatul binti Jamaludin	Pembantu Tadbir (Kewangan)	N19	BSK
11	Mohd Syafiq bin Mohd Hasri	Kerani	N19	BRPK
12	Rianto bin Samad	Kerani	N19	BPP
13	Rahim bin Sakiman	Pembantu Operasi Kanan	N14	BPP



PERBINCANGAN PENGGUNAAN AFLIASI BAGI PENSYARAH DI CAWANGAN

oleh :
JK Task Force Penstrukturan Fakulti

28 Ogos 2021: Perbincangan Penggunaan Afiliasi Bagi Pensyarah di Cawangan oleh JK Task Force Penstrukturan Fakulti (yang terlibat sahaja).

Majlis Perpisahan



Encik Zahurin Ramli

27 Ogos 2021 Majlis perpisahan diadakan bagi menghargai sumbangan Encik Zahurin bin Ramli di Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) yang telah dinaikkan pangkat dan berpindah ke Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) Kg. Gajah, Perak.



Puan Jalima Johari Ramli

27 Ogos 2021 Satu majlis perpisahan diadakan bagi menghargai sumbangan khidmat setia Puan Jalima binti Johari Ramli di Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) yang mula bersara pada 28 Ogos 2021.

Kunjungan Mesra **NAIB CANSELOR ke PEJABAT PENDAFTAR**

Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin pada 24 September 2021
dan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia pada 11 Oktober 2021



Warga Pendaftar merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Prof. Ts Dr Roziah Mohd Janor atas pelantikan beliau sebagai Naib Canselor UiTM berkuat kuasa mulai 9 Ogos 2021. Pada sesi kunjungan beliau, beliau amat prihatin dengann masalah operasi yang berbangkit di Pejabat Pendaftar seperti masalah penghawa dingin.





MESYUARAT PROSES PERSARAAN BERSAMA KWAP/JPA DAN WAKIL AGENSI AWAM

2 September 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan Mesyuarat Proses Persaraan Bersama KWAP/ JPA dan Wakil Agensi Awam. Mesyuarat ini diadakan secara atas talian dan dihadiri oleh KB BPP dan semua staf.

MUNAJAT KEMERDEKAAN

9 September 2021 Sempena Sambutan Kemerdekaan Tahun 2021, Pejabat Pendaftar dan Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Munajat Sambutan Kemerdekaan bagi memohon Doa dan Perlindungan kehadiran Allah swt agar Negara Malaysia tercinta dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan aman damai selamanya.




OPERASI PENGHANTARAN FAIL PERIBADI KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI

9 September 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah melaksanakan proses penghantaran fail peribadi bagi staf akademik yang bersara tahun 2014 ke Jabatan Arkib Universiti.



GOTONG ROYONG PENGEMASKINIAN FAIL PERIBADI

10 September 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan gotong-royong fail peribadi staf akademik yang bersara tahun 2015 ke Jabatan Arkib Universiti.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN DOA SELAMAT

15 September 2021 Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat peringkat Bahagian Pembangunan Organisasi secara atas talian dan dihadiri oleh semua staf.

PROGRAM PEMANTAPAN KENDIRI PENOLONG PENDAFTAR UiTM

Pada 20 September 2021 (Isnin), bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang telah berlangsung Program Pemantapan Kendiri Penolong Pendaftar (N41) seluruh sistem UiTM secara dalam talian.

Objektif program adalah untuk:

- Mempelajari dengan lebih dekat budaya kerja di UiTM (institusi akademik) dan sekaligus membuka ruang untuk para peserta menimba pengalaman dan menambah pengetahuan mengenai tajuk yang dikongsi.
- Mengetahui amalan terbaik (best practices) di PTJ amnya dan UiTM khususnya.
- Membuka laluan kepada peserta untuk menghayati set kemahiran/ terjemahan 'tacit knowledge' dari pegawai-pegawai mengikut bidang dan kemahiran.
- Mempelajari budaya kerja berkualiti yang diamalkan supaya pengalaman yang diperolehi melalui program ini dapat dikongsi dan dizahirkan di dalam kerja seharian.

RUMUSAN - INTIPATI PROGRAM



RUMUSAN

"Terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan" #KeluargaUiTM	"Perancangan Kerja dan Pengurusan Masa yang Baik"	"Prinsip Tadbir Urus Terbaik: Integriti, Akauntabiliti, Amanah dan Pengawasan, Ketelusan"
"ESI & iDART – Nilai yang perlu diamalkan"	"Solat Awal Waktu dan Ibadah Sunat"	"Tadbir Urus 1 UiTM: Multisistem"
"Positive 3A : Appearance . Attitude, Action"	"Agile Leadership, Agile Mind, Agile Action"	"Tacit Knowledge & Explicit Knowledge"
"Anda Adalah Duta Jenama Penolong Pendaftar"	"Kualiti : Ilmu → Plan, Do, Check, Action"	"Kecemerlangan dengan Pelbagai Skop Bidang AR: Pentadbiran, HEA, Sumber Manusia, HEP, ICAN dll merentas PTJ"
	"Pemantapan Sistem Penyampaian: Penambahbaikan"	
	"Akta 174 : Akta 605: Akta 173"	

Program ini berbentuk perkongsian dari YBr. Pendaftar, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Ketua Timbalan Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Kanan berkaitan bidang tumpuan Pengetahuan Organisasi/ Nilai Universiti, Tadbir Urus, Kepimpinan, Komunikasi dan imej, Perancangan Tugas serta Sesi Perkongsian di Fakulti / Kampus Cawangan. Intipati perkongsian adalah seperti berikut :

• Ucapan aluan Pendaftar Amanah Saya Dan Peranan Kita	YBr. Tn. Hj. Muhamad Nizam Noordin Pendaftar UiTM
• Pengurusan Imej dan Penjenamaan Diri	Puan Alfina Bakar, K.M.N Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, UiTM Cawangan Selangor
• Perancangan dan Bagaimana Caranya	Puan Rizadora Muhamad Arsad, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pembangunan Organisasi, JPSM Pejabat Pendaftar
• Kualiti dan Kerja Kita	Encik Nor Amiruddin Mohktaruddin, Ketua Timbalan Pendaftar, JPSM Pejabat Pendaftar
• Sesi Perkongsian 1: Saya di UiTM Cawangan	Encik Khairul Anuar Hj A Rahim, Ketua Timbalan Pendaftar, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur
• Sesi Perkongsian 2: Saya di Fakulti	Puan Aziah Othman, Ketua Timbalan Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Akademik
• Tadbir Urus: Kaedah Memahami dan Melaksanakan	Puan Noriah Mohamed Ali, Ketua Timbalan Pendaftar, Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti Pejabat Pendaftar

Ujian psikologi yang dibawa oleh Pusat Kerjaya dan Kaunseling, BHEP UiTM menggunakan kaedah ujian dari JPA.

Dalam rumusan yang disampaikan oleh YBr. Tn. Haji Muhamad Nizam Noordin, Pendaftar UiTM semua warga Penolong Pendaftar UiTM perlulah sentiasa berusaha dan berniat ikhlas dalam segala tindakan dan tugas yang diamanahkan

AUDIT DALAM PEJABAT PENDAFTAR

Proses auditan dalaman perlu dilaksanakan bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti BPD memenuhi keperluan pensijilan ISO 9001:2015. Audit Dalam BPD telah dilaksanakan bermula 21 hingga 28 September 2021 merangkumi skop auditan ke seluruh bahagian BPD kecuali Bahagian Rekod Pelajar dan Konvoquesyen.


Buat pertama kalinya audit dalam di BPD dilaksanakan secara dalam talian. 37 auditor yang terdiri dari auditor sedia ada dan auditor dalam latihan menyemak semua prosedur operasi (P.QO) dan pengurusan (P.QP). Rumusan dan penutup dari Ketua Audit, Pn Noriah Mohamed Ali memaklumkan perjalanan auditan berjalan lancar dan tiada penemuan ketakakuran Major dan Minor melalui kaedah semakan dokumen, temubual, lawatan dan pemerhatian.



MAJLIS ANUGERAH PENTADBIR UTM 2020

Majlis Anugerah Pentadbir UTM 2020 telah diadakan pada 30 September 2021 secara atas talian melalui saluran Youtube rasmi UTM.

Seramai 15 Staf telah berjaya mendapat anugerah pada kali ini dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.



SHARING SESSION BAHAGIAN PEMBANGUNAN OPERASI (BPO) SIRI 1 (PELAKSANAAN TADBIR URUS)

7 Oktober 2021 Sesi ini diadakan bagi tujuan perkongsian ilmu pengetahuan dan pandangan serta meningkatkan lagi pengetahuan kakitangan berkenaan tadbir urus tangkas UiTM (2020 - 2025) dengan melibatkan semua staf BPO.



TAKLIMAT PANDUAN PENGURUSAN KEMUDAHAN CUTI

Tarikh : 21 Oktober 2021
Penceramah : Encik Mohd Nor Hisham Bin Yusof @ Ibrahim
Penolong Pendaftar,
Unit Pengurusan Cuti,
Bahagian Pengurusan Perkhidmatan.

Taklimat ini bertujuan memberikan maklumat berkaitan kelayakan cuti, syarat dan kaedah permohonan. Taklimat ini terbuka kepada semua staf UiTM Cawangan Perlis dan diadakan secara atas talian.

MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAZKIRAH RINGKAS JPSM

22 Oktober 2021 Majlis bacaan Yassin dan Tazkirah ringkas yang bertajuk "Keperibadian Rasulullah SAW sebagai contoh" telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Abdul Aziz, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam.

Majlis ini dianjurkan oleh Bahagian Persaraan dan Perkhidmatan (BSK) untuk warga JPSM dan secara atas talian.



AUDIT LLOYD'S @ BAHAGIAN REKOD PELAJAR DAN KONVOKESYEN



26 Oktober 2021 Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen (BRPK) telah menerima kedatangan Audit Lloyd's bagi melihat proses pelaksanaan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu yang diadakan mulai pada 01 Disember 2020 hingga 10 Januari 2021 dan 01 hingga 29 Disember 2021 bagi menggantikan Istiadat Konvokesyen.

MESYUARAT UNIT PERSARAAN PENAMATAN LNPT DAN PROFAIL

29 Oktober 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan mesyuarat bersama staf yang membincangkan mengenai isu-isu yang melibatkan kuiru KWAP. Terdapat beberapa isu baharu seperti semakan cuti pada cuti Am dan cuti hujung minggu, Sabtu dan Ahad. Isu-isu berkaitan telah dikenalpasti dan tindakan penyelesaian juga telah disenaraikan untuk tindakan.



PELAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2021 PEJABAT PENDAFTAR BAGI TEMPOH 2019 - 2020

Pejabat Pendaftar telah berjaya memasuki peringkat akhir bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM bagi tempoh 2019 - 2020. Seramai 26 orang penulis diketuai oleh Pendaftar sendiri telah berusaha dan bertungkus lumus dalam penyediaan pelaporan AKNC ini.

Pada 31 Oktober 2021 telah berlangsungnya pembentangan akhir pelaporan AKNC 2021 yang dilaksanakan secara dalam talian (Zoom) dengan menyaksikan 7 kampus cawangan, 7 fakulti dan 3 bahagian membuat pembentangan akhir pelaporan AKNC ini yang diadili oleh panel profesional. Pejabat Pendaftar secara keseluruhannya telah memenangi tempat ketiga bagi kategori bahagian. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga Pejabat Pendaftar.

PEMENANG PERTANDINGAN LETS BRAIN OUT@BPD 2021

Pengumuman pemenang Lets Brain Out @BPD telah dilaksanakan pada 1 November 2021 bersempena program "A Day With BPD" dengan diselarakan dengan program bahagian samada berkisar tentang mesyuarat bahagian, perkongsian ilmu, gotong royong dan sebagainya. Pemenang nombor 1 hingga 3 menerima wang dan sijil penyertaan dan penerima saguhati menerima sijil penyertaan.



1. PEMENANG TEKA SILANG KATA

NOMBOR	NAMA	BAHAGIAN
1	PUAN AINUL FADZILAH HARUN PUAN NUR FARRA MUSTAFAR	BSK
2	PUAN NORASIKIN AHMAT JAILANI PUAN NURUL NADIRAH ABDUL MUBIN	BPO
3	PUAN AZNI SHARLIZA MOHAMED ZAKARIA PUAN NORHAZIRA SADIMAN	BPPS
Saguhati	CIK NOOR AZWANI ASHIKIN CIK FAIRUZASZILA JUNUS	BPPS
	ENCIK MOHD HASNOR ASMAN ENCIK MOHD SHIDEE ALI	BGSU
	CIK NUR SABARINA HAMIZAN BINTI ABD RASHID PUAN NUR AZILIA BINTI MOHD MUSA	BPO

2. PEMENANG SUDOKU

NOMBOR	NAMA	BAHAGIAN
1	PUAN SYAHIDA FATHIAH AHMAD KAMAL ENCIK NUR RAHIMIE FAHMI NOOR ADZMAN	BGSU
2	PUAN NORHAZIRA SADIMAN PUAN AZNI SHARLIZA MOHAMED ZAKARIA	BPPS
3	ENCIK AHMAD HAFSHAM MAT RANI ENCIK CHE MOHD FARDAUS MUSTAPHA	BKK
Saguhati	CIK NOOR AZWANI ASYIKIN SAMAD CIK FAIRUZASZILA JUNUS	BPPS

3. PEMENANG PENULISAN PUISI

NOMBOR	NAMA	BAHAGIAN
1	CIK FAIRUZASZILA BINTI JUNUS "COVID SIAPA GERANGANMU"	BPPS
2	CIK NOOR FARAH ZAITI BINTI MOHD ZAIDON PUAN MASDIANA BINTI MOSMAN "CORONAVIRUS SATU PANDEMIK"	BPPS
3	PUAN NUR HANANI BINTI MUHAMMAD ZAKRI ENCIK MOHD AZMIL BIN HASSAN "MALAYSIA PRIHATIN...MENANG BERSAMA"	BPO
Saguhati	PUAN RIZADORA MUHAMAD ARSAD PUAN NORHAFIZAH IBRAHIM APANI "KEDEWASAAN INI"	BPO

4. PEMENANG PENULISAN PANTUN

NOMBOR	NAMA	BAHAGIAN
1	PUAN NOORASMAWATI BINTI AMSARI PUAN NOOR FAZLINA BINTI ABDUL RAHIM "VIRUS KORONA C-19"	BPP
2	PUAN NORHAFIDA BINTI HASAN PUAN AZINA BINTI ABDULLAH "MAKHLUK YANG BERNAMA COVID-19"	BKK
3	CIK NOOR AZWANI ASYIKIN BINTI SAMAD "PANDEMIK COVID-19 SEJARAH HITAM DUNIA"	BPPS
Saguhati	PUAN FAEZAH ABDUL HAMID ENCIK MUHAMAD AZHAR "COVID-19"	BGSU
	PUAN AZMAH BINTI MAALI PUAN MARIANI ISMAIL "CORONA"	BKK
	PUAN NOORASMAWATI BINTI AMSARI "COVID-19"	BPP

5. PEMENANG LUKISAN POSTER

NOMBOR	NAMA	BAHAGIAN
1	CIK ZALYANTI ZAINAL ABDIN	BGSU
2	PUAN NORHAFIDA BINTI HASAN	BKK
3	CIK NOOR AZWANI ASYIKIN SAMAD	BPPS
Saguhati	CIK FAIRUZASZILA JUNUS	BPPS



AKTIVITI SENAMAN DAN SESI PERKONGSIAN STAF BAHAGIAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN (BPP)

1 November 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan aktiviti perkongsian pengalaman bekerja semasa tempoh "Lockdown" dilaksanakan. Turut dijalankan aktiviti senaman ringan untuk "refreshment" dan memberi motivasi serta semangat bekerjasama.


LAWATAN KUNJUNGAN MESRA PERSATUAN PESARA UiTM (PESUTIMA)

2 November 2021 Bahagian Saran dan Kemudahan (BSK) telah menerima kunjungan mesra dari Persatuan Pesara UiTM (PESUTIMA). Sesi suai kenal dilakukan diantara Staf BSK dan Jawatankuasa PESUTIMA. Selain itu, BSK telah memberi taklimat berkenaan Pengurusan kemudahan perubatan bagi pesara UiTM, membincangkan isu-isu berkaitan skim khairat kematian dan lain-lain. Setelah selesai lawatan berkenaan sesi bergambar dan penyampaian cenderamata kenang-kenangan diberikan kepada Jawatankuasa PESUTIMA yang hadir.




MESYUARAT TASK FORCE PENSTRUKTURAN FAKULTI

10 November 2021 Mesyuarat Task Force Penstrukturan Fakulti Bil.11/2021. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) yang menjalankan fungsi TNCA&A), Pn. Noriah Hj Mohamed Ali, KTP BGSU dan Pn. Rizadora Muhamad Arsad, TPK BPO.



MESYUARAT PANEL HAKIM ANUGERAH PENTADBIR UiTM BIL. 3 TAHUN 2021



14 November 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan Mesyuarat Panel Hakim Anugerah Pentadbir UiTM Bil.3 Tahun 2021. Tujuan Mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan tarikh / tempoh pencalonan bagi Anugerah Pentadbir UiTM 20212, menentukan kaedah pencalonan anugerah secara manual / sistem dan hal-hal lain.



MAJLIS PERPISAHAN PUAN NORHAFIZAH IBRAHIM APANI

13 November 2021 Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) telah mengadakan majlis perpisahan buat Puan Norhafizah bertempat di West Plate Factory, Seksyen 23, Shah Alam.

LAWATAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU) KE INTEGRATIVE PHARMACOGENOMICS INSTITUTE (iPROMISE)




16 November 2021 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah mengadakan lawatan ke Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE). Lawatan ini turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor dan Ahli-Ahli Mesyuarat Eksekutif Universiti untuk melihat kemudahan makmal serta kecanggihan peralatan yang ada. Antara peralatan yang diuji seperti ujian darah boleh dibuat untuk melihat keturunan, kehadiran penyakit genetik, peningkatan risiko menghidap gangguan genetik dan keputusannya boleh diperolehi dalam tempoh 4 bulan.



MAJLIS PERPISAHAN ENCIK ROSMAN YAHYA DAN ENCIK MUHAMMAD THAQIF ISRO

3 Disember 2021 Satu majlis ringkas perpisahan telah diadakan bagi menghargai sumbangan Encik Rosman Yahya, Pegawai Eksekutif Kanan dan Encik Muhammad Thaqif Isro, Pemandu di Bahagian Governan & Sekretariat Universiti (BGSU). Encik Rosman akan bertukar tempatkan di UiTM Cawangan Sarawak setelah berjaya kenaikan pangkat. Manakala Encik Muhammad Thaqif akan berpindah bahagian ke ICAN. Selamat maju jaya di ucapkan.

SESI PERKONGSIAN KURSUS PRA PERSARAAN (SIRI 2)



7 Disember 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) bersama ILD telah mengadakan sesi perkongsian Kursus Pra Persaraan (Siri 2). Perkongsian ini diadakan bagi memastikan perjalanan program Kursus Pra Persaraan yang akan diadakan pada 29 Disember 2021 berjalan dengan lancar. Sesi perbincangan ini juga adalah untuk membantu urusetia baharu di ILD merancang dan menambahbaik jadual agenda program tersebut.



MESYUARAT PERSARAAN, PENAMATAN, RKP DAN PROFIL

10 Disember 2021 Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP) telah mengadakan mesyuarat bersama staf. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan aktiviti sepanjang tahun 2021 dan aktiviti pada tahun akan datang antaranya persiapan dan persediaan staf bagi HR2U Go Live beberapa modul yang berkaitan. Mesyuarat ini juga diadakan bagi perkongsian pendapat dan pandangan untuk mengukuhkan ukhwah serta kerjasama diantara staf.



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UiTM SIRI 2 TAHUN 2021

13 dan 14 Disember 2021 Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK) telah mengadakan peperiksaan perkhidmatan UiTM siri 2 di Makmal FSKM, UiTM Shah Alam yang dibantu oleh beberapa pegawai dari BKK serta dihadiri oleh Tuan Haji Muhammad Huzafah bin Haji Redzuan selaku Ketua Bahagian Kemajuan Kerjaya. Calon yang terlibat seramai 61 orang dari pelbagai skim dan gred.

BENGGEL SEMAKAN JOB DESCRIPTION (JD)

14 - 16 Disember 2021 Bengkel semakan Job Description (JD) rujukan oleh staf Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) yang di adakan di Bilik Seminar Accounting Research Institute (ARI). Bengkel ini bertujuan memurnikan JD yang telah dirangka dengan membuat semakan dan perbincangan penambahbaikan draf JD yang telah dibuat.



Syarahan PENDAFTAR UiTM

Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin



“Usaha, Taqwa, Mulia : Pentadbir Universiti Awam”

Pada 13 Disember 2021, YBrs Tn Haji Muhamad Nizam Noordin, Pendaftar UiTM telah menyampaikan Syarahan bertajuk “Usaha, Taqwa, Mulia : Pentadbir Universiti Awam” kepada seluruh pentadbir Universiti Awam melalui saluran dalam talian Zoom. Program adalah anjuran pihak ILD UiTM bersama pihak JKSMUA

AUDIT SIRIM QAS INTERNATIONAL - ISO 9001:2015



Audit SIRIM QAS International bagi mematuhi skop pensijilan ISO 9001:2015 bagi Surveillance II Pejabat Pendaftar telah dilaksanakan pada 20 hingga 21 Disember 2021 secara dalam talian. Walau dengan pelbagai kekangan yang hadir kerana terdapat warga BPD yang terlibat dengan musibah bencana banjir, proses auditan berjalan dengan lancar dan tiada penemuan secara bertulis direkodkan. Teguran secara lisan telah diberi kepada auditee pada setiap sesi auditan berjalan. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga BPD yang telah menunjukkan kredibiliti cemerlang dan sokongan yang baik semasa auditan berlaku. BPD akan menghadapi proses auditan SIRIM untuk pensijilan semula ISO 9001:2015 pada tahun 2022.




PENGANUGERAHAN DIPLOMA/IJAZAH SECARA JANJI TEMUBAGI GRADUAN SESI KONVOKESYEN KE-92

Tarikh Pelaksanaan bagi penganugerahan yang ditangguhkan akibat pandemik COVID-19 :

- UiTM Shah Alam: 1 hingga 10 dan 12 hingga 16 Disember 2021
- UiTM Cawangan Sarawak: 20 hingga 22 Disember 2021
- UiTM Cawangan Sabah: 28 hingga 29 Disember 2021

TAKLIMAT SISTEM NETWORK INTEGRATED LEGAL AFFAIRS MANAGEMENT SYSTEMS (NILAMs)

30 Disember 2021 Taklimat Sistem Network Integrated Legal Affairs Management Systems (NILAMs) oleh PPUU dan Jabatan Info kepada pegawai-pegawai yang menguruskan MoU/MoA di UiTM serta sekretariat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Majlis Eksekutif Universiti.



Misi Bantuan Banjir@ BPD

Pada 21 Disember 2021 atas keperihatinan terhadap staf yang terkesan akibat banjir yang melanda, team BPD turun padang sama-sama membantu meringankan kesulitan yang dialami oleh mangsa banjir berkenaan.



Bantuan berbentuk sumbangan wang ringgit, barang-barang keperluan harian dan tenaga kerja adalah hasil sumbangan dan keprihatinan warga BPD.

Sukarelawan yang terdiri daripada staf BPD telah bergabung tenaga untuk menjalankan kerja pembersihan di rumah-rumah yang teruk terjejas akibat banjir.

Staf yang terlibat juga sentiasa menjaga SOP yang ditetapkan bagi mengelak penularan wabak COVID-19 dan mengutamakan keselamatan diri yang tinggi.

Adalah diharapkan bantuan seumpama ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban serta memberikan sokongan kepada kakitangan yang terkesan dengan bencana banjir ini.

Semoga semua warga BPD diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini.



PENGLIBATAN WARGA BPD DALAM PENGOPERASIAN PUSAT PEMBERIAN VAKSIN IPT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Situasi pandemic Covid-19 yang bermula awal tahun 2020 telah merubah proses penyampaian perkhidmatan seluruh UiTM.

Dengan gesaan kerajaan agar semua penduduk Malaysia mengambil dos vaksin, UiTM telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi salah sebuah pusat pemberian vaksin bagi warga UiTM dan penduduk sekitar yang berdaftar dengan MySejahtera.

Pejabat Pendaftar bekerjasama dengan PTJ di UiTM dalam pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 21 Jun hingga 22 Ogos 2021 .

PPV di UiTM Shah Alam adalah merupakan pusat kedua selepas PPV di UiTM kampus Puncak Alam beroperasi dan seramai 65,611 orang telah menerima vaksin di PPV UiTM Shah Alam sejak pengoperasiannya bermula.



Dengan Kemudahan dan infrastruktur lengkap dimiliki UiTM, ditambah

dengan penglibatan staf dan pelajar menjadi anggota sukarelawan di PPV itu memudahkan usaha kerajaan untuk meningkatkan jumlah penerimaan vaksin harian.

Sejumlah 266 staf UiTM terlibat sebagai anggota sukarelawan bagi menjayakan program imunisasi COVID-19 terdiri daripada pelbagai peringkat termasuk akademik, pentadbiran dan sokongan. Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin, Pendaftar UiTM dilantik sebagai Penyelaras PPV dan Puan Noriah Mohamed Ali, Ketua Timbalan Pendaftar, Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti dilantik sebagai Ketua Urus Setia.

Antara inovasi UiTM bagi memudahkan semakan laporan harian adalah melalui "UiTM Vax" dimana setiap data PPV dan data terkumpul boleh dilihat oleh Pengurusan untuk pelaporan kepada KPT melalui website <http://c19.uitm.edu.my/ppv/dashboardppv>



MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI


Antara Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang telah diadakan pada tahun 2021 secara fizikal dan dalam talian :

Senarai Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Tahun 2021


Bil	Mesyuarat	Tarikh
1.	LPU 177	11 Jan 2021
2.	LPU KHAS	9 Feb 2021
3.	LPU 178	9 Mac 2021
4.	LPU KHAS	12 April 2021
5.	LPU KHAS	10 May 2021
6.	LPU 179	25 May 2021
7.	LPU 180	30 Julai 2021
8.	LPU KHAS	8 Ogos 2021
9.	LPU 181	14 Sept 2021
10.	LPU KHAS	3 Nov 2021
11.	LPU 182	16 Nov 2021
12.	LPU KHAS	25 Nov 2021



Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-182 pada 16 November 2021 yang diadakan di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.




Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-181 pada 14 September 2021 secara dalam talian.




Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas pada 25 November 2021 yang bertempat di Bilik Sidang, Aras 3, Bangunan Canseleri dan juga secara atas talian.

MESYUARAT MAJLIS SUMBER MANUSIA


Antara Mesyuarat Majlis Sumber Manusia yang telah diadakan pada tahun 2021 secara fizikal dan atas talian :



**Mesyuarat Majlis Sumber Manusia
Bil.59/2021 pada 16 Julai 2021**



**Mesyuarat Majlis Sumber Manusia
Bil.62/2021 pada 14 Oktober 2021**



**Mesyuarat Majlis Sumber Manusia
Bil.63/2021 pada 02 Disember 2021**

UpSkill@BPD

TAHUN 2021



UpSkill@BPD dilaksanakan sebagai platform penyampaian maklumat, prosedur dan dasar yang digunapakai dalam pengurusan sumber manusia UiTM. Taklimat 2 hala ini disampaikan oleh pegawai daripada Pejabat Pendaftar berdasarkan kepakaran masing-masing dengan kelompok sasaran staf UiTM seluruh sistem.

UpSkill@BPD untuk tahun 2021 telah dilaksanakan sebanyak 7 siri dan rakaman serta slaid penceramah boleh diperolehi dari laman web Pejabat Pendaftar dan rakaman juga boleh diakses melalui Youtube Pejabat Pendaftar.

Poster UpSkill@BPD



Tarikh	Tajuk Program
22 Jan 2021	Siri 4 - Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) : Apakah Peranan Ketua PTJ dan staf UiTM
3 Mac 2021	Siri 5 - Pengurusan Permohonan Biasiswa Akademik
9 April 2021	Siri 6 - Hal Ehwal Persaraan : Suatu Perkongsian
25 May 2021	Siri 7 - Kemudahan Perubatan : Ketahuai Kelayakan Anda
30 Jun 2021	Siri 8 - Agile HR Strategies During Post Covid 19
29 Sept 2021	Siri 9 - Pengesahan Dalam Perkhidmatan
12 Nov 2021	Siri 10 - Pengurusan Skim Perkhidmatan



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Pendaftar

Pejabat Pendaftar
Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

Vol : 1 2021/ Januari - Disember

